

Bahang sampai kemuncak

>>Oleh Intan Mas Ayu Shahimi
imas@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Bahang Pilihan Raya Kampus (PRK) 2012/2013 sampai ke kemuncaknya hari ini dengan berlangsungnya perebutan kerusi di 15 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di seluruh negara, seawal jam 8.30 pagi.

Menilai persiapan yang dibuat calon bertanding di beberapa universiti sekitar ibu negara semalam, mereka masih gigih berkempen sejak Jumaat lalu untuk memenangi hati pengundi.

Di Universiti Putra Malaysia (UPM), calon yang bertanding untuk kerusi Umum boleh dilihat berkempen di beberapa lokasi sekitar kampus dengan memakai sut lengkap.

Pelajar Fakulti Sains, Foo Chuan Yi, 22, berkata, dia mengambil inisiatif turun padang bersama sut lengkap untuk mempamerkan imej positif



SHARUL AKMAL
...kebajikan

GIGIH...Foo
meraih undi
daripada pelajar
UPM, semalam.



FOTO | Meor Azfar Meor Kamarulbaid dan Farizul Hafiz Awang

Kampus UIAM kembali harmoni

GOMBAK: Kekecohan yang berlaku di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) minggu lalu tidak lagi mencemar kemeriahan kempen pilihan raya kampus institusi pengajian tinggi awam (IPTA) berkenaan,

sebaliknya memberi lebih ketenangan kepada calon.

Ketua Bahagian Komunikasi Korporat UIAM, Prof Dr Baharuddin Aziz berkata, keadaan kampus kini kembali harmoni dan pelajar lebih fokus melaksanakan tugas

serta tanggungjawab masing-masing.

"Sejak Sabtu dan Ahad lalu, seluruh warga kampus dilihat memberi tumpuan penuh terhadap persediaan pilihan raya kampus yang akan berlangsung esok (hari ini)," katanya.

kepada pengundi di UPM.

Beliau yang ditemui ber-kempen sekitar perhentian bas berdekatan pintu masuk utama UPM yakin usahanya berbaloi walaupun terpaksa mengharungi terik matahari.

"Sebagai calon Umum, saya membawa dua manifesto untuk PRK kali ini iaitu menyeru pihak universiti memperbaiki infrastruktur di perhentian bas sekitar UPM untuk keselamatan pengguna," katanya.

Suasana lebih meriah di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) apabila gerakan penyokong calon bertanding sibuk berkempen di seluruh kampus.

Poster warna-warni dan kreatif bergantungan di setiap sudut yang diperuntukkan pihak universiti untuk berkempen, sementara van milik universiti pula berlegar sambil membunyikan siren bagi mengingatkan siswa siswi terhadap tanggungjawab menjelang hari mengundi.

Pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanik, Mohd Syamsul Ramli, 22, berkata dia sudah bersedia dan akan terus memanfaatkan tempoh kritikal yang masih berbaki sebelum PRK berlangsung.

Sementara itu, di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), calon proaspirasi dan promahasiswa terus memperhebatkan kempen menerusi pendekatan konvensional termasuk mengadakan risalah tanpa meminggirkan teknologi moden seperti facebook dan blog untuk mendekati pengundi.

Calon proaspirasi, Sharul Akmal Johari, 21, berkata dia menumpukan perhatian terhadap isu yuran khas dan kemudahan komputer dilengkapi internet di kediaman pelajar.

HM e-Paper



Untuk lebih gambar sila layari
subscription.nstp.com.my